



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI UTAMA TENGGU ADNAN BIN TENGGU MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA
PROGRAM KOMUNITI BEBAS DENGGI (KBD) 2016**

**DEWAN MEGAPURI, DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR
12 APRIL 2016 (SELASA), 11.00 PAGI**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM...

Terima kasih Saudara/i Pengacara Majlis.

(Senarai salulasi terkini akan dilengkapkan kemudian.)

Rakan-rakan media,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam
Sejahtera dan Salam 1Malaysia.**

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan keizinan-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi ini di dalam Majlis Penyerahan Kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi sempena **PROJEK KOMUNITI BEBAS DENGGI (KBD) 2016.**

2. Pertama sekali, saya mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Dato'-dato', Datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan semua. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan membuktikan keprihatinan warga Wilayah Persekutuan terhadap pentingnya kesihatan dan kebersihan dalam urusan kehidupan kita seharian.
3. Apa yang lebih bermakna adalah program ini dapat dijayakan dengan penglibatan dan kerjasama daripada pihak kerajaan dan juga sektor swasta yang terdiri daripada **Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), EntoGenex Industries Sdn Bhd, Inno Biologics Sdn Bhd, Yayasan Kesejahteraan Bandar, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, UMNO Wilayah Persekutuan dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP).**
4. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas atas sokongan dan komitmen yang disalurkan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam program ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Berdasarkan kepada Laporan Bulanan Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio Ekonomi terkini sehingga 2 April 2016, sejumlah **2,347 kes denggi** dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada minggu ke 13 tahun ini, iaitu peningkatan sebanyak 22.5% berbanding dengan tahun lepas. Manakala di

Putrajaya, sehingga kini terdapat **131 kes denggi** dilaporkan berbanding dengan 45 kes pada tahun 2015 iaitu meningkat sebanyak 65.6%.

6. Pada minggu ke 13 ini, tiada kes kematian denggi dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes kematian denggi sehingga kini 3 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berbanding 13 kes pada tahun 2015. Di Putrajaya pula, terdapat 1 kes kematian berbanding dengan 0 (sifar) kes kematian bagi tempoh yang sama tahun 2015. Memandangkan keadaan yang semakin meruncing ini kita perlu mengambil langkah yang lebih proaktif bagi menghapuskan wabak demam denggi dengan usaha kita semua.
7. Berdasarkan laporan tersebut juga, jumlah kes terkumpul denggi sehingga 3 April 2016 mengikut Parlimen adalah seperti berikut. Kes denggi tertinggi dicatat di Bandar Tun Razak iaitu 432 kes, diikuti dengan Batu (323 kes), Segambut (276 kes), Setiawangsa (227 kes), Seputeh (216 kes), Wangsa Maju (208 kes), Titiwangsa (171 kes), Lembah Pantai (160 kes), Cheras (160 kes), Putrajaya (131 kes) dan Bukit Bintang (72 kes).
8. Justeru itu, saya menyeru agar tuan-tuan dan puan-puan berganding bahu bersama-sama menjalankan aktiviti untuk mengawal dan membasmi pembiakan nyamuk aedes, seperti menjalankan aktiviti gotong-royong di setiap bahagian dengan harapan kes denggi dapat dikurangkan.

9. Kementerian Wilayah Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak 30 Ribu unit Kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi yang mana anggaran pengagihan adalah 25 ribu unit kepada Penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan bakinya 5 ribu unit kepada penduduk Putrajaya. Jadi, diharapkan tuan-tuan dan puan-puan yang menerima Kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi ini agar menggunakan alat ini dengan betul, dan bukannya disimpan sebagai perhiasan.

10. Oleh yang demikian, dengan adanya Projek Komuniti Bebas Denggi 2016 ini, saya berharap supaya kes denggi di dalam kawasan Wilayah Persekutuan semakin berkurang di dalam usaha menjadikan Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera. Tujuan utama pelaksanaan program ini adalah untuk menyedarkan masyarakat untuk mencegah dan mengawal penyakit yang berpunca dari virus demam denggi di samping dapat meningkatkan taraf kesihatan kita semua.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Projek Komuniti Bebas Denggi ini diwujudkan untuk memberi sumbangan Kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi kepada penduduk menerusi Agensi dan Majlis Perwakilan Penduduk setiap bahagian di dalam kawasan Wilayah Persekutuan. Kit Rumah Perlindungan Lengkap Denggi adalah satu alat digunakan untuk mengesan, mengawas dan mengawal pembiakan nyamuk Aedes di kediaman tuan-tuan dan puan-puan. Sehubungan itu, penglibatan dan penyertaan tuan-tuan dan puan-puan selaku warga Wilayah adalah penting untuk sama-sama menggembeng

tenaga dengan Jabatan Kesihatan DBKL dan Kementerian untuk bersama-sama membasmi wabak penyakit denggi daripada terus menular.

12. Kita menyedari bahawa wabak denggi sering berlaku di sekeliling kita. Setiap tahun ada sahaja kes demam denggi dilaporkan berlaku terutamanya di kawasan ibu kota Kuala Lumpur. Sehingga ke hari ini belum ada ubat khusus yang boleh menghapuskan virus denggi ini secara kekal.
13. Sepertimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, demam denggi berpunca daripada gigitan nyamuk Aedes. Sebenarnya kita semua pada hari ini terdedah kepada virus denggi yang dibawa oleh nyamuk Aedes. Lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan yang menggalakkan nyamuk Aedes untuk hidup dan membiak. Justeru, kita perlu memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes di persekitaran kita.
14. Tanggungjawab membasmi nyamuk aedes ini bukan semata-mata terletak pada Kementerian Kesihatan atau kerajaan semata-mata, setiap pihak dan masyarakat keseluruhannya perlu bersama-sama bertanggungjawab dalam memastikan kawasan di sekeliling kita bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes. Setiap individu berperanan dalam memastikan tiada ruang untuk nyamuk Aedes hidup dan membiak.
15. Sebenarnya untuk mencegah berlakunya demam denggi adalah mudah. Setiap orang daripada kita mampu melakukannya. Caranya adalah dengan membuat pemeriksaan persekitaran di

dalam dan di luar rumah agar tidak ada tempat-tempat atau bekas-bekas kosong yang boleh menakung air dan membolehkan nyamuk Aedes bertelur dan membiak. Semua ini boleh dilakukan sekiranya setiap individu bersikap positif dan bersedia menghulurkan tangan dan berganding bahu bagi memastikan persekitaran tempat tinggal bersih dan selamat.

16. Aktiviti ini bukan sahaja menjadikan bandar kita bersih dan cantik malah apa yang lebih penting ialah taraf kesihatan kita semakin meningkat. Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar jumlahnya untuk meningkatkan taraf kesihatan rakyat di negara ini. Semuanya ini disalurkan sama ada melalui program- program kesihatan atau melalui pelbagai aktiviti dan kempen yang bertujuan meningkatkan taraf kesihatan rakyat.
17. Aktiviti pembersihan kawasan kediaman dengan memungut sampah sarap umpamanya bukan sahaja dapat memastikan kawasan kediaman kita bersih, malah dapat meningkatkan taraf kesihatan penduduk dan juga dapat menarik pengunjung ke ibu kota Kuala Lumpur. Namun, ini akan menjadi sia-sia belaka jika masyarakat tidak menghargainya. Apa yang menyedihkan, terdapat di kalangan masyarakat kita yang bukan sahaja enggan bekerjasama, malah terus menjadikan longkang, parit dan kawasan lapang sebagai tempat pembuangan sampah yang ringkas dan cepat.
18. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan akan rajin-rajin membersihkan kawasan persekitaran rumah, memeriksa longkang dan saluran hujan yang tersumbat; menyapu dan

menanam tin-tin kosong, tempurung kelapa atau tayar-tayar buruk di belakang rumah; membubuh bahan pembunuh jentik-jentik di dalam bekas takungan air, dan banyak lagi aktiviti bagi mencegah nyamuk aedes daripada membiak. Dengan menjalankan aktiviti sedemikian, diharapkan tuan-tuan dan puan-puan bukan hanya dapat memutuskan kitaran hidup nyamuk aedes serta mengelakkan Demam Denggi, Chikungunya dan yang terbaru, virus Zika daripada merebak, malah dapat juga menjaga kebersihan kawasan di dalam menjadikan Wilayah Persekutuan Ceria.

19. Saya berharap Projek Komuniti Bebas Denggi 2016 ini dan juga aktiviti-aktiviti lain yang dijayakan oleh kerajaan, pertubuhan sukarela dan NGO akan dapat memberikan impak yang lebih berkesan dalam usaha menyedarkan masyarakat tentang amalan menjaga persekitaran yang bersih dan meningkatkan taraf kesihatan.
20. Marilah bersama-sama membuat perubahan bukan sahaja terhadap diri dan keluarga malah perubahan untuk masyarakat umumnya dalam meneruskan amalan memelihara kesihatan diri dan kebersihan persekitaran agar Wilayah Persekutuan menjadi kawasan bebas denggi dengan persekitaran yang bersih dan ceria.
21. Saya berharap usaha murni ini berterusan sampai bila-bila. Penglibatan dan kerjasama setiap individu adalah penting untuk memastikan kebersihan di dalam dan di luar rumah serta di persekitaran kawasan kediaman. Kita tidak wajar mengharapkan

orang lain untuk menjaga kesihatan diri dan keluarga kita. Kita sendirilah yang bertanggungjawab memastikan bukan sahaja diri dan keluarga kita sihat tetapi kebersihan persekitaran kita juga sentiasa terpelihara.

22. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan di atas sokongan dan kerjasama semua dalam usaha membasmi kes denggi di Wilayah Persekutuan.
23. **Akhir kata, dengan lafaz Bismillah-hirrahman-nirrahim saya dengan sukacitanya melancarkan Projek Komuniti Bebas Denggi 2016.**
24. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum Warah Matullahi Wabarakatuh. Terima kasih.